



**NEGARAKU  
SEHATISEJIWA**

**UCAPAN  
YB TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**PERHIMPUNAN 1MOT  
OGOS 2017**

**15 OGOS 2017 (SELASA)  
DEWAN SERBAGUNA,  
ARAS 2,  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

## **UCAPAN YB TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN DI PERHIMPUNAN 1MOT BULAN OGOS 2017**

*BismillahirRahmanirRahim,*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam 1Malaysia*

Salam Negaraku Sehati Sejiwa

YBhg. Dato' Seri Hj Saripuddin bin Hj Kasim  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

Ybhc. Dato' Mohamad Jamidan Abdullah, Timbalan  
Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme),  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM),

Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan, warga MOT  
yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian dan rasa syukur  
dirafakkan ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin  
dan rahmatNya, kita dapat bersama-sama berkumpul

dalam Perhimpunan Bulanan 1MOT bagi bulan Ogos 2017 ini.

2. Majlis perhimpunan hari ini agak istimewa kerana ianya diadakan bersekali dengan sambutan Bulan Kemerdekaan negara peringkat Kementerian.

3. Di kesempatan ini juga, saya juga mengalu-alukan kehadiran YBhg Datuk Dato' Mohamad Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan pegawai-pegawai SPRM yang hadir pada pagi ini bagi menyempurnakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Jabatan-Jabatan serta Agensi di bawah Kementerian.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

## **NEGARAKU SEHATI SEJIWA**

4. Tahun ini merupakan ulangtahun ke-60 kemerdekaan kita. Sepanjang 6 dekad lalu banyak cabaran dan rintangan yang telah dilalui oleh Negara untuk sampai ke tahap yang kita capai pada hari ini. Kejayaan pembangunan di Malaysia amat membanggakan.

5. Bermula sebagai negara berasaskan pertanian, negara kita dapat berkembang menjadi sebuah negara yang dinamik dengan kepelbagaian ekonomi yang terus berkembang.

6. Sungguhpun demikian, negara kita kini berdepan dengan cabaran yang amat kritikal kerana persekitaran ekonomi global yang tidak menentu. Negara juga berdepan dengan cabaran Industri Revolusi Keempat (*4<sup>th</sup> Industrial Revolution*) yang didominasi oleh kombinasi teknologi digital, fizikal biologi.

7. Kita berada di ambang revolusi industri yang secara fundamentalnya akan mencorakkan masa depan hidup kita, mengubah cara kita bekerja dan cara kita berhubung di antara satu sama lain.

8. Kita perlu menyusun strategi baharu untuk terus maju. Kita perlu berani dan bercita-cita tinggi untuk mencapai matlamat matlamat pembangunan Negara kita.

9. Matlamat ini perlu merangkumi aspek pertumbuhan sosial dan ekonomi, komprehensif, dan mampan. Kita perlu berusaha dengan gigih untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dengan memastikan pembangunan secara menyeluruh.

## ULANG TAHUN KEMERDEKAAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Malaysia merupakan sebuah negara yang unik. Kita hidup dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama tetapi masih mengekalkan suasana yang harmoni. Pemilihan tema sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini iaitu **Negaraku Sehati Sejiwa** dilihat amat bermakna **kepada seluruh rakyat Malaysia**.

11. Penetapan tema Negaraku Sehati Sejiwa dilihat sebagai usaha untuk membaharu iltizam kita betapa pentingnya rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama ini saling memahami, hormat menghormati dan bersatu padu untuk menentukan masa depan Negara yang lebih gemilang, stabil dan aman damai.

12. Sebagai rakyat Malaysia, kita bertanggungjawab untuk menjaga, memelihara dan memastikan negara ini senantiasa aman, makmur dan sentosa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sepanjang tempoh enam dekad lalu juga menyaksikan banyak perubahan yang besar dalam pembangunan sektor pengangkutan negara.

14. Kerajaan telah melaksanakan program Transformasi pengangkutan awam melalui agenda transformasi negara yang dipacu oleh Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

15. Kesemua program tersebut bermatlamat merealisasikan aspirasi dari segi sosioekonomi di bawah Wawasan 2020.

16. Kejayaan pelaksanaan MRT Fasa 1 baru-baru ini mencatatkan satu lagi *milestone* dalam sejarah sistem pengangkutan negara. Ianya membuktikan komitmen kerajaan untuk menyediakan rangkaian perkhidmatan awam yang efisien, selesa serta memenuhi keperluan rakyat selaras dengan aspirasi rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan.

17. Perkhidmatan ini dijangka akan membawa 400,000 orang sehari dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian sekaligus mengurangkan masalah kesesakan jalan raya dan pencemaran alam. Seperkara lagi yang lebih membanggakan ialah projek MRT ini berjaya disiapkan dalam masa yang dirancang dengan kos sebanyak RM 21 billion, penjimatan sebanyak RM 2 billion, satu kejayaan yang boleh kita banggakan dalam pengurusan projek awam.

18. Beberapa projek pengangkutan awam yang penting juga akan dilaksanakan oleh kerajaan. Antaranya *East Coast Rail Line (ECRL)* yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, High Sped Rail HSR yang menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura dan MRT Fasa II, MRT Fasa III serta LRT Fasa III.

19. Dalam sektor udara pula, projek pembangunan dan pembesaran beberapa Lapangan Terbang akan dimulakan tahun ini. Antaranya Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kota Bharu, Langkawi dan Sandakan. Dalam sektor maritim pula beberapa projek pembesaran pelabuhan antaranya Pelabuhan Klang juga sedang dirancang untuk dilaksanakan.

20. Inisiatif-inisiatif kerajaan yang lain yang dirangka melalui Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan dan program-program Pusat Transformasi Bandar (UTC) di bawah Pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) dirangka bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang terbaik.

## **LANGKAH BERTERUSAN MEMPERTINGKATKAN ETIKA DAN INTEGRITI & IKRAR BEBAS RASUAH**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

21. Kementerian menyedari bahawa sektor awam merupakan instrumen terpenting dalam pengurusan dan pentadbiran, penyampaian perkhidmatan dan pembangunan negara. Justeru, pembudayaan etika dan integriti mestilah pada setiap masa diterjemahkan dalam semua aspek pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sektor awam ini.

22. Penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni serta bersih dari gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa perlu sentiasa diperkukuhkan dan menjadi amalan berterusan. Kementerian memperkenalkan dan melancarkan program-program bagi memantap dan mempertingkatkan nilai-nilai murni dan integriti perkhidmatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Majlis Ikrar Bebas Rasuah yang diadakan sebentar lagi pada hari ini akan menyaksikan Anggota Pengurusan Tertinggi Kementerian yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua jabatan serta Agensi menandatangani Ikrar Bebas Rasuah dan disaksikan oleh YBhg Datuk Dato' Mohamad Jamidan Abdullah, Timbalan Ketua



Pesuruhjaya SPRM yang turut hadir pada pagi ini. Majlis ini merupakan satu inisiatif baru yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

24. Kementerian Pengangkutan Malaysia menyambut baik inisiatif SPRM ini. Anggota atau individu yang menandatangani ikrar ini akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah sepanjang mereka memegang jawatan.

25. Ikrar ini juga merupakan jaminan dan penzahiran kepimpinan Kementerian Pengangkutan kepada warganya, *'stake holders'* dan pelanggan Kementerian ini untuk mencegah dan membenteraskan jenayah rasuah.

## **KOMITMEN KEMENTERIAN**

26. Kementerian Pengangkutan dengan bantuan SPRM beriltizam kuat dan mahu membina budaya anti-rasuah yang lebih teguh dan berkesan. Kementerian tidak akan berkompromi dan melindungi pihak-pihak yang melakukan sebarang salah laku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan salah laku

integriti tanpa mengira peringkat dan jawatan di Kementerian, Jabatan dan Agensi.

27. Kementerian ini sentiasa mengalu-alukan sebarang aduan salah laku dan sentiasa akan bekerjasama dengan semua pihak berkaitan seperti SPRM, PDRM dan JPA. Kementerian menyarankan agar setiap Jabatan serta Agensi di bawahnya melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah ini di peringkat Jabatan dan Agensi masing-masing.

28. Saya juga menyeru semua warga Kementerian supaya memperbaharui tekad untuk meneruskan usaha penambahbaikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Sistem penyampaian perkhidmatan awam tidak lagi sekadar perlu memenuhi ekspektasi pelanggan tetapi perlu bertaraf didunia.

29. Perubahan dan penambahbaikan perlu dilakukan bagi memudahkan prosedur yang rumit dan panjang, mengurangkan karenah birokrasi, serta memberi perkhidmatan yang lebih mesra pelanggan. Sistem penyampaian perkhidmatan perlu berintegriti dengan amalan yang lebih telus, cepat, berkesan dan tepat.

## **PENUTUP**

30. Saya mengharapkan semua warga Kementerian sentiasa menekankan nilai-nilai murni dalam pentadbiran awam. Kementerian komited untuk terus berusaha mempromosi nilai-nilai murni di kalangan warga kerja dan menggalakan pembudayaan pelaksanaannya secara berkesan.

31. Marilah sama-sama kita menuju ke hadapan. Dalam masa lebih kurang tiga tahun lagi, kita akan mencapai tahun 2020 dan Insya-Allah kita dalam momentum baik untuk mencapai apa yang telah kita sasarkan.

32. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa yang menerajui penganjuran Perhimpunan Bulanan 1MOT kali ini.

33. Saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ke perhimpunan bulanan 1MOT pada bulan ini yang juga bersempena dengan sambutan bulan kemerdekaan peringkat kementerian. Terima kasih juga diucapkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas kehadiran untuk menyaksikan Majlis Ikrar Bebas Rasuah peringkat kementerian.

34. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.